

Dr. Mahathir sedia jadi penasihat projek MSC

UM - 6 SEP 2003

CYBERJAYA 5 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sedia memainkan peranan sebagai penasihat kepada projek Koridor Raya Multimedia (MSC) sekiranya diundang oleh kerajaan selepas bersara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ia bergantung kepada budi bicara penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

“Anda tidak sepatutnya tanya perkara ini kepada saya, tanyalah bakal Perdana Menteri (Abdullah).

“Tetapi jika saya dijemput, kalau ada apa-apa yang boleh dibantu, saya rasa saya pun mahu menyumbang,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Ketujuh di Cyberview Lodge, di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada beliau akan menjadi penasihat pembangunan MSC selepas persaraannya pada Oktober ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau merasakan bahawa pencapaian terbesar MSC yang diilhamkannya hampir sedekad lalu ialah dari segi jumlah penyertaan syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa dalam projek berkenaan.

“Tentunya dari segi jumlah syarikat kerana ketika dimulakan, kita sasarkan akan ada 500 syarikat menjelang 2003, tetapi sekarang kita ada lebih 920 syarikat.

Kemudahan

“Kita juga sasarkan ada 30 syarikat bertaraf dunia, tetapi sekarang sudah melepasi 50 buah syarikat,” katanya.

Selain itu, tambah beliau, Cyberjaya selaku pusat kepada MSC telah membangun pesat dengan memuatkan banyak bangunan dan kemudahan berteknologi tinggi.

“Lihatlah di sekeliling anda. Dulu cuma ada pokok kelapa sawit tetapi sekarang banyak bangunan yang berdiri, tidak kosong dan dipenuhi oleh para pekerja,” katanya.

Sementara itu, semasa

berucap pada majlis malam sempena pelancaran fasa kedua MSC di sini, Dr. Mahathir berkata, beliau yakin projek MSC akan terus dimajukan walaupun setelah beliau bersara.

Katanya, beliau akan terus memerhati perkembangan projek itu secara dekat walaupun sudah tidak lagi mempunyai jawatan dalam kerajaan.

“Saya yakin walaupun tanpa saya, ada orang lain akan terus memerhati dengan teliti perancangan masa depan MSC.

“Saya juga yakin, ia (MSC) akan berjaya, walaupun tidak boleh jadi seperti Lembah Silicon (di Amerika Syarikat), ia tetap akan menjadi MSC. Kawasan untuk pembangunan teknologi maklumat (IT) kita sendiri.

“Sekarang MSC jadi kenyataan dan agak terkenal di seluruh dunia. Ia juga dapat tarik pelaburan daripada syarikat-syarikat besar,” katanya.

Hadir sama pada majlis malam ini ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Abdullah.